

Wartawan patut dapat gambaran sebenar kejadian

Laporan media negara dunia ketiga seolah-olah dibuat untuk tontonan orang Barat

Berita Harian 9/04/2010 M/S 24

Oleh Hasliza Hassan
hasliza@bharian.com.my

MENONTON tayangan video seorang wanita tua menceritakan tragedi menimpa keluarganya memang meruntun jiwa. Wajahnya tenang memberitahu bagaimana datuknya dihumban tentera Israel dari bahagian atas rumah ke bawah sambil menunjukkan lokasi berlakunya peristiwa duka itu.

Kesedihan tidak berakhir di situ apabila wanita berkenaan meneruskan cerita kekejaman tentera Israel membunuh bapa, adik, anak, abang serta kakak iparnya, dalam tragedi berlaku di perkampungan Deir Yassin yang dikenang sebagai malapetaka kepada rakyat Palestin.

Pagi Jumaat 9 April 1948, di perkampungan Deir Yassin yang mempunyai 750 penduduk, berlaku tragedi membabitkan pembunuhan 254 rakyat Palestin termasuk orang tua, wanita dan 52 kanak-kanak oleh penganas Yahudi.

Lebih memilukan, apabila beliau menunjukkan rumah saudara perempuannya yang mengandungi lapan bulan ditemui dengan perut terbelah sementara tubuh kaku suaminya bersama anak baru lahir turut ditemui dalam rumah itu.

Ketenangan, kekuatan serta ketabahan wanita tua mengingati tragedi berdarah yang menjadi permulaan penubuhan haram negara Israel itu terlerai juga apabila akhirnya beliau menangis meratapi nasib malang menimpa diri serta keluarga.

Peserta yang hadir di dewan Institut Antarabangsa Kajian Tinggi Islam Malaysia (IAIS) di ibu negara petang Ahad lalu untuk mendengar ceramah wartawan akhbar Britain, *The Independent*, Dr Robert Fisk, pasti merasai penderitaan serta trauma dilalui wa-



PEMBUNUHAN beramai-ramai di perkampungan Deir Yassin menjadi titik mula penubuhan negara Israel yang menyebabkan rakyat Palestin terus menderita hingga kini.

nita tua itu.

Namun, ia adalah kisah atau laporan 'pihak sebelah kita' yang turut meratapi tragedi malang menimpa rakyat Palestin dan cerita sebegitu tidak akan dijumpai dalam laporan media Barat yang cuba menutup segala macam kebenaran.

Fisk yang lebih 30 tahun membuat laporan dari Beirut, Lubnan, berkata jika semua orang dapat melihat sendiri peperangan yang berikisar mengenai kematian, tiada siapa yang akan menyokong peperangan.

Katanya, kebanyakan kisah peperangan tidak dilihat daripada kaca mata sendiri dan kebanyakan laporan dikemukakan mengikut apa yang ingin disampaikan atau bagaimana hendak digambarkan oleh pihak yang bercerita.

"Sebab itu wartawan seperti saya tidak disukai kerana laporan disiarkan bukan apa yang mereka iaitu pihak menyokong peperangan suka. Seperti yang berlaku antara Israel dan Palestin, semua diajak bersimpati kepada Israel yang kononnya jadi mangsa.

"Jika nampak rakyat Palestin baling batu, mereka adalah penganas sedangkan hakikat mereka melakukan perbuatan itu kerana mempertahankan tanah air mereka daripada penjajahan Yahudi tidak termasuk dalam laporan," katanya.

Beliau yang menyampaikan ceramah bertajuk 'Sindrom Penafian: Laporan Mengenai Asia Barat', berkata disebabkan laporan berat sebelah, media seperti televisyen secara tidak langsung membantu kerajaan mempengaruhi orang ramai untuk menyokong peperangan seperti berlaku hari ini.

Ceramah umum anjuran bersama Friends of Dier Yassin (FDY) dan IAIS sempena memperingati tragedi 9 April 1948 bertujuan meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia terhadap konflik berterusan dilalui

rakyat Palestin.

Apa yang berlaku di luar sana bukan masalah antara rakyat Palestin dengan Israel atau masalah umat Islam tetapi ia adalah pencabulan hak asasi manusia yang memerlukan perhatian semua penduduk dunia.

Fisk berkata, kelemahan wartawan hari ini ialah tidak bertanyakan soalan 'kenapa sesuatu itu berlaku' sebaliknya lebih menumpukan apa, bagaimana dan siapa yang melakukan sedangkan gambaran sebenar tidak pernah cuba diselidiki.

Oleh itu katanya, wartawan sepatutnya berusaha mendapatkan maklumat jelas dan tepat sama ada dengan membuat liputan di lokasi kejadian atau berusaha mendapatkan gambaran sebenar apa yang berlaku.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan wujudnya halangan sama ada oleh pihak kepimpinan atau kekangan lain yang menghalang media memberi laporan adil dan tepat.

"Peristiwa 11 September, ada wartawan tidak dibenarkan bertanya kenapa dan bagi yang



bertanya akan dikatakan propenggas atau anti-Amerika Syarikat. Malah, ada wartawan seolah-olah menjadi pelapor kepada agenda ditetapkan kepimpinan," katanya.

Beliau sempat memberi komen mengenai akhbar berbahasa Inggeris di negara ini yang mengambil laporan daripada media antarabangsa sedangkan ia boleh menghasilkan laporan lebih baik dengan menghantar koresponden ke kawasan sedang bergolak.

"Saya terbaca laporan kejadian di Thailand yang diambil daripada *New York Times* se-



TRAGEDI di perkampungan Deir Yassin pada April 1948 dikenang sebagai malapetaka kepada rakyat Palestin.



“ *Penekanan Fisk supaya setiap negara menghantar wakil untuk membuat liputan di kawasan bergolak perlu diberi perhatian bagi memastikan berita dilaporkan bukan pandangan pihak tertentu memenuhi agenda mereka”*

Hishamuddin Ubaidulla
Pengerusi FDY

“ *Jika nampak rakyat Palestin baling batu, mereka adalah pegganas sedangkan hakikat mereka melakukan perbuatan itu kerana mempertahankan tanah air mereka daripada penjajahan Yahudi tidak termasuk dalam laporan”*

Dr Robert Fisk
Wartawan

dangkan Thailand adalah negara jiran. War-tawan tempatan hanya perlu menyeberang sempadan untuk memahami apa sebenarnya terjadi di sana,” katanya.

Mengenai perkembangan konflik di Tebing Barat dan Gaza, Fisk melahirkan pandangan berdasarkan hakikat yang berlaku ialah tidak akan ada negara Palestin dan Palestin sebenarnya tidak wujud selepas pendudukan Israel.

Katanya, apa lagi yang tinggal jika 60 peratus daripada Tebing Barat diduduki Palestin

kini 40 peratus diduduki penduduk haram Yahudi dan begitu juga tembok melengkap merentasi ladang, perkampungan serta bukit adalah petunjuk jelas kegagalan usaha politik.

Beliau menyalahkan pentadbiran Palestin yang didakwa mengamalkan rasuah seperti Hamas yang mengutip cukai daripada Tero-wong Rafah selain tiada kesungguhan pemimpin yang dipilih secara demokrasi itu untuk menyetujui Palestin.

“Saya pernah membuat liputan di rumah pemimpin Hamas yang dibom oleh penganas Yahudi dan apabila saya tiba, saya lihat tandas di rumah itu bersadur emas. Jika begitulah gaya pemimpinnya, saya tidak fikir Hamas inginkan Palestin yang bersatu.

“Sementara bagi Israel pula, mereka akan dan sentiasa mengambil kesempatan tidak kira apa juga yang berlaku,” katanya yang menambah tidak nampak cahaya di hujung terowong untuk masalah yang berlaku di Tebing Barat.

Pengerusi Jawatankuasa Malaysia bagi Memperingati Deir Yassin yang juga Pengerusi FDY, Hishamuddin Ubaidulla, berkata tindakan dwi standard Barat menyebabkan laporan dibuat dan tindakan yang diambil berat sebelah.

Katanya, penekanan Fisk supaya setiap negara menghantar wakil untuk membuat liputan di kawasan bergolak perlu diberi perhatian bagi memastikan berita dilaporkan bukan pandangan pihak tertentu memenuhi agenda mereka.

“Fisk melahirkan rasa kecewa kerana apabila pergi ke negara dunia ketiga, laporan media seolah-olah dibuat untuk orang Barat. Jika pihak disokong melakukan kekejaman ia tidak akan dilaporkan tetapi apabila musuh bertindak agresif, berita itu dibesarkan,” katanya

